

# Polis sambung reman 'Datuk' hari ini

KOTA BHARU 30 Julai - Polis akan memohon lanjutan perintah tahanan reman ke atas seorang lelaki bergelar 'Datuk' bagi membantu siasatan berhubung kejadian semburan pemedih mata ke arah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Jumaat lalu.

Ketua Polis Kelantan, Datuk Zulkifli Abdullah berkata, lelaki itu akan dibawa ke Mahkamah Majistret di sini esok, bagi mendapatkan perintah lanjutan reman berkenaan.

Katanya, lanjutan reman itu bagi membolehkan polis melengkapkan kertas siasatan berhubung kejadian tersebut sebelum menyerahkan laporan kepada Timbalan Pendakwa Raya untuk tujuan pendakwaan.

"Lelaki itu ditahan di rumahnya di Kampung Pasir Tumboh pada pukul 10 malam Jumaat lalu setelah polis mengenal pasti beberapa lelaki disyaki terlihat dalam kejadian menyembur gas pemedih mata ke arah Dr. Mahathir," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Zulkifli berkata, pada mulanya polis mendapat perintah tahanan reman selama tiga hari bermula semalam untuk menahan ahli perniagaan itu bagi membantu siasatan.

Terdahulu, beliau berkata, polis turut mengambil keterangan daripada 27 orang saksi termasuk tujuh anggota tentera dari Markas 8 Briged, Pengkalan Chepa dekat